

## **BAB 3**

### **PENGKAEDAHAN**

#### **3.0 Pendahuluan**

Kajian ini telah menggunakan kaedah survey, temu bual, pemerhatian dan melalui pemerhatian penyertaan (“participant observation”) atau menggunakan sendiri perkhidmatan yang disediakan oleh PKG untuk mengenalpasti peranan PKG sebagai penyalur perkhidmatan berkualiti kepada guru-guru sama ada dalam proses pembelajaran dan pengajaran, kursus, bengkel dan sebagainya di sekolah-sekolah Kawasan Tanjung Ipoh, Kuala Pilah. Bab ini membincangkan tentang kaedah dan langkah yang digunakan dalam membuat kajian ini. Bab ini dibahagikan menurut bidang-bidang berikut :

- i) Variabel atau pembolehubah dalam kajian
- ii) Pemilihan sampel
- iii) Pelaksanaan (instrumentasi)
- iv) Langkah pengumpulan data

### 3.1 Variabel Dalam Kajian

Variabel atau pembolehubah telah ditakrifkan sebagai deskripsi yang mempunyai lebih dari satu nilai ukuran. Dalam satu-satu eksperimen terdapat pembolehubah yang nilainya boleh diubah secara langsung oleh penyelidik. Pembolehubah ini dipanggil pembolehubah bebas. Nilai-nilai pembolehubah bebas biasanya digunakan sebagai dasar untuk membuat prediksi terhadap nilai pembolehubah yang bergantung kepadanya. Pembolehubah yang nilainya bergantung kepada nilai pembolehubah bebas dipanggil pembolehubah bergantung.

Variabel atau pembolehubah bebas dalam kajian ini ialah:

- i. Guru:
  - a) guru yang mengajar di sekolah rendah, dan
  - b) guru yang mengajar di sekolah menengah
  
- ii. Pengalaman mengajar
  - a) lebih 10 tahun (lama), dan
  - b) kurang dari 10 tahun (baru)
  
- iii. Jarak dari PKG
  - a) guru-guru yang menetap jauh ( $>10\text{km}$ ), dan
  - b) guru-guru yang menetap dekat ( $<10\text{km}$ )

iv. Jantina

- a) Lelaki, dan
- b) Perempuan

Variabel atau pembolehubah bergantung pula adalah:

- i. penggunaan PKG
- ii. keperluan pengguna dan sikap mereka
- iii. faktor-faktor lain seperti masa, kursus dalam perkhidmatan dan sebagainya
- iv. persepsi guru-guru sekolah rendah dan menengah mengenai perkhidmatan PKG

Variabel-variabel ini adalah untuk menjawab soalan-soalan berikut:

- i) Apakah jenis perkhidmatan yang disediakan oleh PKG untuk pengguna?
- ii) Berapa kerapkah penggunaan atau kehadiran ke PKG (sama ada untuk kursus, seminar atau bengkel atau pinjaman peralatan)?
- iii) Apakah keperluan mereka yakni apakah yang ingin mereka peroleh dari perkhidmatan PKG?
- iv) Apakah pendapat dan sikap terhadap kemudahan yang disediakan oleh PKG?

- v) Adakah faktor-faktor lain seperti jarak dari PKG, kursus dalam perkhidmatan atau jenis sekolah mempengaruhi penggunaan PKG?
- vi) Apakah yang dilakukan oleh pihak pengurusan PKG dalam menyalurkan perkhidmatan berkualiti?

### **3.2 Pemilihan Sampel**

Sampel bagi kajian ini terdiri daripada 100 orang guru yang dipilih secara rawak dari sekolah rendah dan menengah di kawasan Tanjung Ipoh, Kuala Pilah (50 guru dari sekolah rendah dan 50 guru dari sekolah menengah). Terdapat 10 buah sekolah rendah dan 2 buah sekolah menengah di bawah naungan PKG kawasan Tanjung Ipoh. Guru-guru yang dipilih ini mengajar pelbagai jenis mata pelajaran. Mereka juga mempunyai latar belakang tugas yang berbeza-beza di sekolah. Jumlah guru perempuan dan lelaki tidak ditentukan dahulu. Pemilihan secara rawak ini dibuat dengan bantuan Guru Besar dan Pengetua setiap sebuah sekolah kerana mereka lebih arif tentang jenis dan latar belakang guru-guru di sekolah masing-masing. Di sekolah-sekolah di mana jumlah gurunya lebih maka jumlah responden dari sekolah tersebut juga lebih ramai.

### **3.3 Pelaksanaan**

#### **a) Prosedur**

Prosedur kajian adalah seperti berikut:

- i. Kajian di Perpustakaan untuk meneliti latar belakang PKG dan juga kajian-kajian lepas yang telah dijalankan sama ada di dalam atau luar negeri mengenai PKG atau badan-badan yang seumpamanya,
- ii. Meneliti dokumen dan bahan cetak dari agensi-agensi dalaman dan luaran (“internal and external”) untuk mendapatkan maklumat yang terperinci mengenai skop kajian saya,
- iii. Meneliti maklumat, laporan mengenai PKG yang dikumpul dari pegawai-pegawai pendidikan untuk dijadikan sebagai panduan kajian,
- iv. Mengulas pengalaman dan pemerhatian sendiri sebagai pengguna PKG supaya dapat melihat dan merasakan sendiri suasana yang dikaji,
- v. Membina soalan dan dihantar untuk kelulusan pensyarah,
- vi. Menghantar cadangan kajian ke bahagian-bahagian berkenaan untuk mendapatkan izin menjalankan kajian,
- vii. Menjalankan survey, temu bual, menjalankan pemerhatian penyertaan (“participant observation”) tentang perkhidmatan PKG untuk mengumpul data untuk kajian,
- viii. Mengumpul data dan membuat analisis,
- ix. Menulis hasil kajian berserta cadangan-cadangan yang diperolehi sebagai rujukan di masa hadapan bagi pengkaji lain, dan
- x. Hasil akhir yang lengkap dihantar ke fakulti untuk penilaian.

## b) Instrumen

Instrumen bagi kajian ini adalah soalan-soalan dalam bentuk soal selidik (survey), soalan-soalan untuk temu bual penyelararas PKG, pengetua sekolah dan guru-guru serta cara pemerhatian dan menghadiri sendiri program PKG. Instrumen-instrumen ini dicipta untuk menjawab soalan kajian yang seperti yang dinyatakan dalam Bab 1.

### **3.3.1 Rasional Penggunaan Soal selidik**

Soal selidik di sini ditujukan untuk pengguna PKG yakni guru-guru untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan penggunaan kemudahan fizikal dan kemanusiaan yang disediakan oleh PKG. Dengan menggunakan soal selidik ini lebih ramai guru boleh dijadikan sampel kajian jika dibandingkan dengan hanya menemu bual sahaja. Cara ini juga membantu menjimatkan masa kajian iaitu dapat mengumpul data yang banyak dalam jangka masa yang pendek..

### **3.3.2 Rasional Penggunaan Temu bual Berstruktur**

Penyelaras PKG, pengetua sekolah dan guru-guru telah ditemu bual bagi tujuan mendapatkan maklumat asas dalam pengurusan, perkhidmatan, pentadbiran

dan penggunaan PKG. Terdapat maklumat tambahan yang perlu dikumpul dari guru-guru kerana ada maklumat tidak begitu jitu jika ditanya melalui soal selidik

Kaedah temu bual ini membolehkan penyelidik-penyelidik membuat semak semula kepada respon soal selidik. Maklumat yang diterima adalah lebih kemas kini mengikut kemajuan semasa pelaksanaan program PKG. Kesahan menggunakan instrumen temu bual adalah tinggi dalam mengumpul maklumat-maklumat berkenaan.

### **3.3.3 Rasional Pemerhatian**

Manusia selalunya lebih percaya kepada apa yang dilihat daripada apa yang didengar sahaja. Oleh itu adalah perlu untuk melihat sendiri bagaimana perkhidmatan di PKG disalurkan dengan memerhati beberapa program PKG seperti kursus, bengkel dan sebagainya.

### **3.3.4 Rasional Pemerhatian Penyertaan Program PKG**

Kaedah pemerhatian penyertaan ("participant observation") PKG ini adalah perlu kerana pengkaji dapat menghayati dan mengalami apa yang mungkin dialami oleh pengguna PKG itu sendiri. Di sini pengkaji boleh mendapatkan maklumat "first-hand" mengenai beberapa perkara seperti fasilitator, masa dan sebagainya.

### 3.4 Soal selidik

Soal selidik tersebut terbahagi kepada 3 bahagian (lihat lampiran A) yang terdiri daripada soalan-soalan yang datanya boleh digunakan untuk menjawab soalan-soalan kajian melalui kaedah frekuensi dan peratus. Bahagian-bahagian tersebut adalah seperti berikut:

Bahagian 1: Latar belakang responden

Bahagian ini terdiri daripada soalan-soalan yang bertujuan untuk mendapatkan maklumat tentang latar belakang responden mengenai :

- 1) Jenis sekolah
- 2) Jantina
- 3) Pengalaman mengajar
- 4) Kelulusan ikhtisas dan Profesional
- 5) Jauh rumah dari PKG
- 6) Pengalaman kursus dalam perkhidmatan mengenai penggunaan ABM atau teknik proses pengajaran dan pembelajaran (selain anjuran PKG) yang pernah dihadiri oleh guru.



Bahagian 2 : Penggunaan PKG / Kemudahan yang sedia ada.

Bahagian ini bertujuan menjawab soalan kajian 2 dan 3 melalui soalan-soalan berkaitan yang dikemukakan. Soalan-soalan kajian tersebut adalah:

- 1) Apakah jenis perkhidmatan yang disediakan oleh PKG untuk guru-guru khususnya untuk proses pembelajaran dan pengajaran? dan
- 2) Adakah perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan memenuhi keperluan pengguna?

Bahagian 3 : Bahagian ini bertujuan menjawab soalan kajian 6 iaitu,

- i) Adakah faktor-faktor lain mempengaruhi penggunaan PKG? dan
- ii) Cadangan-cadangan oleh guru tentang cara-cara memperbaiki perkhidmatan PKG.

### **3.5 Temu bual**

Bahagian ini merupakan soalan-soalan temu bual dengan penyelaras PKG, guru besar sekolah rendah, pengetua sekolah menengah dan juga beberapa orang guru (lihat Lampiran B,C dan D). Tujuannya untuk mendapatkan maklumat daripada mereka supaya boleh dibuat perbandingan untuk menilai kebolehpercayaan jawapan yang diberikan oleh guru dalam bahagian soal selidik. Melalui temu bual pengkaji akan menjawab soalan kajian 5.

### **3.6 Pengumpulan Data**

Instrumen ini telah dikendalikan oleh pengkaji dengan melawat sendiri sekolah-sekolah yang terlibat. Soal selidik yang telah lengkap telah dikumpul dalam masa seminggu. Temu bual juga telah dijalankan sebagai sokongan hasil dari soal selidik. Temu bual ini telah dijalankan dengan penyelar PKG dan guru besar atau pengetua sekolah serta guru-guru yang terlibat secara rawak. Ada di antara guru-guru yang ditemu bual ini juga terlibat dalam menjawab soal selidik.

Pengkaji juga telah membuat pemerhatian mengenai cara-cara perkhidmatan disalurkan dan pinjaman peralatan dengan melawat PKG dari masa ke semasa (sebanyak 5 kali). Akhir sekali, pengkaji telah menghadiri sendiri kursus dan bengkel anjuran PKG untuk mendapatkan maklumat secara langsung sebanyak dua kali.